



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**AMALAN RASUAH DALAM SISTEM PENTADBIRAN AWAM
DI SARAWAK**

OLEH

RAHMATULLAH BIN MADEHI

**Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang, Institut
Teknologi Mara Sarawak bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma
Pentadbiran Awam.**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
ITM SARAWAK**

30000000518

PROJEK PELAJAR



KANDUNGAN

Mukasurat

PENGHARGAAN

I

ABSTRAK

III

- Jadual 1.1 : Saiz Pensampelan
- Jadual 1.2 : Kategori Umur Responden
- Jadual 1.3 : Pengenalan Jantina Responden
- Jadual 1.4 : Klasifikasi Pekerjaan Responden
- Jadual 1.5 : Klasifikasi Pendapatan Responden
- Rajah 1.1: Sekitaran Organisasi
- Jadual 4.1 : Kefahaman Responden
- Jadual 4.2 : Tanggapan Responden
- Jadual 4.7 : Kajian Faktor Dan Limitasi
- Jadual 4.9 : Kajian Pengaruh Politik Kepartian
- Jadual 4.10 : Kajian Tanggapan Responden
- Jadual 4.11 : Kajian Faktor Kekurangan Pendedahan
- Carta 4.12 : Carta Kekeperan Rasuah Jabatan dan Kementerian

BAB 1 : KAJIAN AMALAN RASUAH DALAM SISTEM PENTADBIRAN DI SARAWAK

1

- 1.0 Pengenalan Kajian 1
- 1.1 Latar Belakang Kajian 4
- 1.2 Objektif Kajian 7
- 1.3 Hipotesis 9
- 1.4 Skop Kajian 11
- 1.4 Metodologi 13
- 1.6 Tinjauan Literature 22
- 1.7 Konstren Kajian 24

BAB 2 : BENTUK, PENGARUH DAN FUNGSI RASUAH DALAM SISTEM PENTADBIRAN AWAM

25

- 2.0 Pengenalan 25
- 2.1 Konsep Rasuah 25
- 2.2 Fanomena Rasuah Dan Ciri-ciri Korupsi 27
- 2.3 Pengaruh-pengaruh Rasuah Dalam Sekitaran Organisasi 32

ABSTRAK

Kertas penyelidikan ini adalah berbentuk kualitatif, menumpukan aspek penyelidikan berkaitan dengan Amalan Rasuah Dalam Sistem Pentadbiran Awam. Hasil penyelidikan terbahagi kepada 5 Bab.

Dalam Bab 1 membincangkan aspek Pengenalan Kajian yang membincangkan secara terperinci berhubung dengan konsep dan pendekatan sifat organisasi dan sosiologi rasuah dalam masyarakat. Metodologi, konstren kajian, hipotesis, literature review turut dihuraikan sebagai asas kemantapan kajian.

Sementara itu Rasuah Dalam Sistem Pentadbiran dibincangkan dalam Bab 2. Dalam bab ini penyelidik membincangkan bentuk-bentuk rasuah, pengaruh dan fungsi rasuah dalam sistem pentadbiran. Konteks perbincangan juga menyentuh konsep persekitaran masyarakat yang saling berkaitan dengan aspek persekitaran organisasi yang membentuk sosiologi rasuah. Dengan yang demikian, bab 2 akan membuka kefahaman pembaca berkaitan dengan aspek rasuah.

Jenis-jenis kesalahan rasuah serta pemakaian Akta untuk tujuan pendakwaan dibincangkan dalam Bab 3. Setiap jenis kesalahan diperuntukkan dengan penalti mengikut seksyen-seksyen tertentu dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997. Bab 3 juga menyentuh analisa punca-punca berlaku rasuah dalam sistem pentadbiran kerajaan.

BAB 1

KAJIAN AMALAN RASUAH DALAM SISTEM PENTADBIRAN AWAM

1.0 PENGENALAN KAJIAN

Amalan rasuah dalam mobalisasi sistem pentadbiran kerajaan adalah satu fenomena yang sukar dibendung. Walaupun kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha untuk membentasi jenayah rasuah, namun amalan rasuah masih lagi berleluasa khususnya di dalam jentera pentadbiran kerajaan.

Untuk memahami dengan lebih dekat lagi amalan atau gejala rasuah, kita mesti melihat dengan lebih dekat lagi berhubung dengan faktor-faktor tertentu yang mendorong berlakunya gejala rasuah. Dengan yang demikian kita akan melihat aspek organisasi itu sendiri serta keterbukaannya dalam kelompok masyarakat. Keterbukaan atau dasar organisasi perkhidmatan awam itu sendiri yang berorientasikan output berbentuk perkhidmatan atau servis kepada masyarakat adalah risiko kepada berlakunya gejala rasuah. Perkara ini adalah disebabkan norma-norma dalam sektaran masyarakat boleh mempengaruhi sekitaran tugas, pola-pola dan keberkesanan organisasi.

Kenyataan ini adalah satu hakikat yang nyata. Para pengarah, pegawai atau kakitangan dalam sesebuah jabatan adalah sebahagian daripada masyarakat itu sendiri. Justeru itu mereka juga tidak dapat lari dari norma-norma masyarakat. Dengan erti kata lain mereka juga berada dalam pengaruh atau ruang lingkup

BAB 2

BENTUK, PENGARUH DAN FUNGSI RASUAH DALAM SISTEM PENTADBIRAN AWAM

2.0 Pengenalan

Membincangkan bentuk, pengaruh dan fungsi rasuah dalam sistem pentadbiran awam sebagai memberi gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan gejala rasuah. Dalam bab ini, penyelidik ingin menghuraikan definisi serta elemen-elemen rasuah sebagai suatu aspek yang memberi kefahaman yang lebih mantap kepada pembaca berhubung dengan hasil penyelidikan yang telah dijalankan.

2.1 Konsep Rasuah

Pada dasarnya, perbuatan rasuah adalah dorongan perbuatan “immoral” atau satu bentuk perbuatan yang berlaku di luar batas kesusilaan . Perkara ini adalah disebabkan oleh kehendak nafsu manusia yang tidak terbatas sehingga seseorang manusia itu hilang kewarasan dalam menentukan sesuatu pertimbangan. Akhirnya terjadilah perbuatan untuk mendapatkan atau memperoleh sesuatu dengan sesuatu kaedah yang berbentuk pencurian atau penipuan.²⁷

Hakikatnya golongan yang terlibat dengan perbuatan rasuah, bentuk jenayah yang dilakukan adalah berbeza dengan bentuk-bentuk jenayah yang lain. Perkara ini adalah disebabkan perbuatan rasuah adalah satu bentuk kejahatan yang tersembunyi. Bentuk

²⁷ Ibid . hlm - 231.